

# NGAYAU II



*Amil Jaya*



DBP

PERPUSTAKAAN  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
CAWANGAN SABAH

# NGAYAU II



Ngayau II



SAB00030141

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

*Amil Jaya*

PERPUSTAKAAN DBP Cawangan Sabah	
No. Kelas :	849.2333 Amil
No. Perolehan :	SAB 1164/15
Tarikh :	4/12/18 TT: 9 .

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2015

KK 899-5211-1751-4101

Cetakan Pertama 2015  
© Ismail Abbas (Amil Jaya) 2015

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Amil Jaya, 1939-  
NGAYAU. II / Amil Jaya.  
ISBN 978-983-46-1751-6  
1. Malay fiction. I. Judul.  
899.2333

Dicetak oleh  
Percetakan Nasional Malaysia Berhad  
Jalan Chan Sow Lin  
50554 Kuala Lumpur  
Wilayah Persekutuan

# BAB 1

RAINAH melangkah. Langkah itu biasa sahaja. Tidak gopoh dan tidak juga pantas. Seperti selalu, dia berjalan santai. Tidak ada apa-apa yang berkocak dalam benaknya. Denai yang dijajari pokok-pokok renek itu seperti biasa sahaja. Tiada yang luar biasa. Pagi itu seperti pagi sebelumnya – damai, riang, sejuk dan cerah.

Telaga yang telah bertahun-tahun menjadi sumber air penduduk di perkampungan itu kelihatan di depannya. Airnya jernih, bersih dan kelihatan hijau kebiru-biruan, terutama di bahagian dalamnya, apalagi kalau baru ditimba. Airnya cukup jernih dan bersih.

Rainah melangkah tanpa dipengaruhi apa-apa perasaan. Tambahan pula suasana cukup tenang. Kicau dan ciut burung bersahut-sahutan menyambut cahaya pagi yang benderang itu. Mereka riang mencari ulat-ulat di pokok yang rimbun itu.

Rainah terus berjalan. Dia sengaja mengawalkan dirinya datang ke telaga pada pagi itu. Hatinya mengharapkan air telaga itu banyak. Doanya agar

sepanjang malam mata air di telaga itu mengalirkan air untuk memenuhi telaga itu hingga ke paras kemampuannya.

Rainah tidak melihat atau berjumpa dengan sesiapa sepanjang perjalanannya menuju ke telaga. Malah, dia tidak berpapasan dengan sesiapa pun. Dialah yang paling awal datang ke telaga itu mengambil air.

Rainah melangkah lagi. Langkahnya biasa-biasa sahaja. Matanya pun tidak mengerling ke kiri dan ke kanan. Tidak ada gelodak rasa takut di jalan yang sering dilaluinya itu. Kakinya melangkah lancar.

Rainah akhirnya sampai di destinasiya di penghujung denai itu. Di hadapannya kini sebuah telaga yang sudah dikunjunginya sejak zaman kanak-kanak lagi. Rainah menghentikan langkahnya. Dia meletakkan dua batang *kelungkung*, atau bekas mengambil air sepanjang seruas bambu betung, ke tanah.

Rainah mengambil upih nibung yang dijadikan timba untuk mengambil air dari dalam telaga. Tali timba pula diperbuat daripada rotan. Beberapa kali timba upih nibung itu ditarik dan dilepaskan oleh Rainah, namun pada perasaan Rainah, air tidak masuk ke dalam timba upih itu. Dia menjenguk ke dalam telaga. Dia melihat banyak dahan dan daun-daun kayu menutupi permukaan telaga.

“Patutlah air tak masuk ke dalam timba, telaga ini penuh dengan dahan kayu.” Rainah merungut.

“Angkara siapa ni? Kenapa dahan kayu dan daunnya sekali dimasukkan ke dalam telaga? Sungguh tak patut.” Rainah terus merungut.

Rainah menghulurkan timbanya sekali lagi. Kali ini dia tidak berniat memenuhkan timba itu dengan air. Dia berhasrat mahu mengambil dahan-dahan kayu yang menutup permukaan telaga itu. Nasibnya baik, satu dahan terpaut pada tali dan timbanya. Ranting itu diangkatnya ke atas dan dicampakkannya ke permukaan tanah.

Rainah menghulur timba upih nibung itu sekali lagi. Satu lagi ranting kayu yang banyak daun dan dahan menyangkut pada timbanya. Tiba-tiba dia merasakan tali timbanya ditarik dari bawah dan tubuhnya tertarik ke bawah. Kakinya cuba bertahan dan dadanya terbongkok ke dalam telaga. Tarikan tali timba itu bertambah kuat. Rotan yang menjadi tali timba itu tegang. Tarikan dari dalam telaga agak kuat, dan tarikan tangan Rainah juga kuat. Rotan itu benar-benar tegang.

Rainah mempertahankan tarikan itu dengan sekuat tenaganya. Tubuhnya semakin bongkok ke hadapan. Kakinya yang berpijak pada tanah yang sedikit lumpur itu terheret sama. Dia bertahan dan cuba menegakkan tubuhnya. Dalam percubaan ini tali timba itu disentak sekuat hati.

Cengkaman kaki Rainah pada permukaan tanah yang lembut dan berlumpur itu semakin goyah. Ketika bertahan habis-habisan inilah sentapan kedua

menyusul. Kaki Rainah tidak dapat bertahan lagi. Dia tergelincir. Tubuhnya jatuh ke dalam telaga. Rainah tidak terfikir untuk melepaskan tali rotan itu. Bagi Rainah, tali timba itu mesti dipertahankan. Timba itulah satu-satunya alat untuk mengambil air dari dalam telaga yang sedalam sedepa setengah itu.

Tubuh Rainah jatuh berdebur ke dalam telaga. Dia berasa tubuhnya digomol oleh seorang jejaka yang sedia menunggu di dalam telaga. Rainah berasa tidak berdaya, pelukan jejaka itu melemaskannya.

Rainah sedar, di samping berasa tubuhnya digomol, dia berasa tangan jejaka itu kuat mencengkam kedua-dua tangannya. Kedua-dua tangannya diikat ke belakang dengan cepat. Rainah tidak berdaya melawan.

Selepas mengikat tangan Rainah, jejaka itu naik ke atas. Dia berjalan ke arah semak samun. Di situ dia mengambil tangga yang sudah disediakan, lalu menurunkan tangga itu ke dalam telaga. Jejaka itu turun semula ke dalam telaga menggunakan tangga. Dia kemudiannya mendorong tubuh Rainah ke tangga, lalu mengarahkan Rainah memanjat tangga itu. Tubuh Rainah didorong dengan kasar. Jejaka itu menjerit dan membentak apabila dirasanya Rainah membantah perlakuannya.

Mahu tidak mahu, Rainah menurut sahaja dorongan jejaka itu. Dia berasa dirinya tidak berdaya menghalang jejaka itu memperlakukan ia semahunya. Sedikit demi sedikit tubuh gebunya

terdorong ke atas. Setelah bersusah payah, akhirnya Rainah sampai di atas. Dia merasa cukup letih. Tubuhnya yang basah kuyup itu terbaring. Mulutnya tercungap-cungap merebut udara. Matanya tertutup rapat.

Jejaka yang kelihatan garang itu melihat ke kiri, ke kanan dan ke hadapan, juga ke belakang sambil mengerling tajam. Setelah dia pasti tidak ada sesiapa yang melihat kehadirannya di situ, barulah dia merasa lega. Muslihatnya berhasil. Sejak awal pagi dia sudah berendam di dalam telaga. Dan, Rainahlah mangsa yang malang itu.

“Jalan!”

Rainah didorong oleh jejaka bermuka bengis itu. Rainah melangkah dua tiga langkah, dan berhenti lagi. Dia cuba melambat-lambatkan langkahnya dengan harapan ada orang kampung yang melihat dia diculik. Hatinya sangat berharap mudah-mudahan ada orang yang datang mengambil air awal pagi itu. Ini sahaja cara untuk mendapatkan pertolongan.

“Jalan!” Dorong jejaka bengis itu lagi. “Jalan!” ulangnya. Dorongannya bertambah kuat.

Langkah Rainah semakin laju. Dia terdorong enam tujuh langkah ke hadapan. Kemudian, dia berhenti lagi. Cengkaman kakinya pada permukaan tanah diperkuatkan.

Jejaka bengis itu melompat di hadapan Rainah. Dia tidak lagi mendorong Rainah. Sebaliknya, dia